

UCAPAN SELAMAT HARI RAYA DARIPADA MENTERI PERTAHANAN PADA 27HB MAC, 1960

Pada hari yang berbahagia ini saya suka mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua ahli-ahli Tentera Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu yang di darat, di laut dan di udara, dan ahli-ahli Pasukan Polis Di-Raja serta saya doakan mudah-mudahan Allah akan mencurahkan rahmat kepada mereka-mereka dan keluarga-keluarga mereka semuanya.

Saya sedar iaitu tidak kesemuanya daripada kita yang bernasib baik berpeluang mendapat merayakan hari yang berbahagia ini bersama-sama dengan anak isteri dan keluarga-keluarga mereka di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar oleh kerana separuh daripada mereka terpaksa menjalankan kewajipan bagi kepentingan Negara kita ini yang masih belum lagi tercapai keamanan yang penuh. Walau bagaimana sekalipun, anggota-anggota Tentera dan Polis Persekutuan patutlah berasa megah, kerana dapat berkhidmat kepada Negara kita ini usaha bagi **menamatkan** darurat di negeri ini. Mudah-mudahan dalam sedikit masa lagi kita akan dapat memulihkan semula keamanan di negeri ini dengan **sepenuhnya**. Hari Raya adalah hari yang sangat-sangat dimuliakan oleh sekalian orang-orang Islam di seluruh dunia, dan saya berharap semua anggota Tentera Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu dan Pasukan Polis Di-Raja akan merayakan hari yang berbahagia ini dengan riangnya. Sebagai penutup ucapan saya ini saya ucapkan Selamat Hari Raya kepada tuan-tuan sekalian Ahli-ahli Pasukan Keselamatan samada yang bertugas di bandar ataupun di rimba raya, di darat, di laut atau di udara, di dalam Negeri ataupun di luar Negeri. Selamat Hari Raya.